

22/11/1999

Jentera BN Johor diarah perhebat kempen

JOHOR BAHRU, Ahad - Jentera Pilihan raya Barisan Nasional (BN) Johor yang mempunyai muka baru diarahkan memperhebatkan kempen sebagai langkah pengenalan lebih mesra terhadap pengundi.

Pengerusi BN negeri, Datuk Abdul Ghani Othman, menyifatkan pengenalan bersemuka dengan rakyat oleh calon muka baru adalah penting kerana pengundi perlu mengenali mereka dengan lebih rapat.

Oleh itu, beliau berkata, BN negeri akan memantau kawasan yang mempunyai calon muka baru bagi memastikan pengundi mengetahui calon mereka yang berwibawa.

"Malah, kita akan bekerja keras kerana masih ada kawasan yang memerlukan usaha bersungguh-sungguh itu.

"Mereka (calon muka baru) sebenarnya juga perlu mesra dengan pengundi masing-masing. Baru dapat menarik perhatian masyarakat setempat.

"Ini dapat mewujudkan keyakinan kepada pengundi itu sendiri," katanya selepas mendengar taklimat bagi kerusi Parlimen Gelang Patah, Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Kupang dan Skudai, di sini, hari ini.

Hadir sama ialah calon Parlimen Gelang Patah, Teu Si @ Chang See Wen (Gelang Patah), Baharom Abdul Ghani (DUN Tanjung Kupang) dan Khoo Kong Ek (DUN Skudai). Johor mempunyai 19 muka baru bagi mempertahankan 20 kerusi Parlimen dan 40 DUN.

Sehubungan itu, Abdul Ghani yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri berkata, Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berkempen di Johor pada Rabu ini dari Kuching.

"Beliau akan tiba di Senai pada jam 4 petang sebelum berangkat semula pada jam 6 petang. Kedatangan Dr Mahathir adalah memberi perangsang kepada calon dan penyokong BN negeri," katanya.

(END)